

# UPM rangka program bantu siswa luar kampus

## Oleh Noor Azlina Zainudin

BAHAGIAN Hal Ehwal Pelajar (Hep), Universiti Putra Malaysia (UPM) akan merangka program untuk membantu meningkatkan kecemerlangan akademik 10,000 pelajar yang tinggal di luar kampus.

Timbalan Naib Canselor (Hep), Prof Dr Abdullah Al-Hadi Muhamed, berkata kumpulan berkenaan biasanya tinggal di kediaman yang agak sesak dan tidak mempunyai kemudahan fizikal yang selesa untuk membantu tugas mereka sebagai pelajar.

Katanya, tempat tinggal yang jauh dalam kampus menyebabkan mereka lebih banyak menghabiskan masa dalam perjalanan, sekali gus mengurangkan tempoh mereka mengulang kaji, apatah lagi mengunjungi perpustakaan.

"Keadaan ini tidak kondusif untuk proses pembelajaran yang berkesan hingga akhirnya pelajar luar kampus menunjukkan keputusan peperiksaan kurang cemerlang.

"Selain itu, mereka juga tidak dapat membabitkan diri dengan kegiatan di luar bilik kuliah seperti bersukan dan bersport yang juga penting untuk membina keperibadian menyeluruh.

"Jadi, Bahagian Hep akan memikirkan program yang sesuai untuk membolehkan pelajar luar kampus menggunakan lebih banyak kemudahan universiti bagi meningkatkan penguasaan ilmu," katanya selepas majlis pertukaran tanggungjawab dengan Timbalan Naib Canselor sebelum ini, Prof Madya Datuk Dr Idris Abdol yang tamat kontrak pelantikannya.

Dr Abdullah berkata, program peningkatan akademik pelajar itu amat penting untuk membolehkan UPM muncul sebagai institusi pendidikan bertaraf dunia.

Katanya, untuk dikenali sebagai universiti terkemuka di peringkat antarabangsa, UPM yang diasaskan pada 1971 perlu menghasilkan graduan yang cemerlang, berkualiti dan mempunyai keperibadian tinggi.

Beliau berkata, Bahagian Hep juga bercadang mengadakan kerjasama dengan pihak fakulti supaya setiap fakulti menjadikan satu kolej kediaman sebagai anak angkat.

Dengan cara itu, menurutnya, fakulti boleh merancang pelbagai aktiviti berbentuk akademik untuk pelajar kolej seperti kelas tambahan

Pelantikan Dr Abdullah berkuat kuasa 1 Februari lalu. Berusia 53 tahun, Dr Abdullah sebelum ini ialah Dekan, Fakulti Ekologi Manusia.

Dengan pengalaman kira-kira 20 tahun sebagai pensyarah universiti, Dr Abdullah menggunakan pengalaman dan pengetahuannya dengan memperkenalkan beberapa program baru di fakulti itu.

Antaranya ialah Sarjana Muda Sains dengan pengkhususan dalam Sains Pengguna, Pembangunan Manusia dan Teknologi Maklumat.

Program itu telah diluluskan oleh Kementerian Pendidikan dan akan ditawarkan mulai tahun depan.

Selain itu, Dr Abdullah turut memainkan peranan dalam pelbagai badan dan persatuan di peringkat fakulti dan universiti.

Antaranya ialah Badan Pem-



**DR ABDULLAH (kiri) menerima surat pertukaran tanggungjawab daripada Dr Idris di UPM Serdang, Selangor, baru-baru ini.**

angunan Pelajar, Persatuan Alumni, Senat Universiti, Penasihat Atlit Universiti serta Konsulat Dekan-dekan UPM.

Dr Abdullah juga memperkenalkan program Rakan Ekologi, iaitu program sokongan bagi pelajar yang memperoleh keputusan CGPA 3.1 ke atas dan Gerak Ekologi, iaitu program yang direka khas bagi membantu pelajar yang memperoleh CGPA 2.0 ke bawah.

Dr Abdullah berkata, pelantikannya ke jawatan baru itu satu amanah yang perlu dipikul dengan sebaiknya kerana usaha untuk meletakkan UPM di tempat terbaik bukannya tugas mu-

dah yang boleh dilakukan sendirian.

Katanya, Dr Idris telah membina asas dan tapak yang baik dalam semua aspek sama ada membabitkan pihak pengurusan, tenaga pengajar dan pelajar.

Justeru, beliau akan meneruskan usaha yang dimulakan selain membuat perancangan bagi meningkatkan lagi kecemerlangan UPM.

Katanya, pengurusan akademik UPM masih memerlukan khidmat dan pandangan bernas Dr Idris.

Sementara itu, Dr Idris berkata, beliau sangat terhutang

budi dengan sokongan yang diberikan oleh kakitangan pelbagai peringkat ketika memegang jawatan itu.

Beliau yang akan meneruskan tugasnya sebagai pensyarah di Fakulti Pertanian, berkata, pertukaran pemimpin adalah permulaan kepada kepada yang lebih baik.

"Sehubungan itu, semua pihak perlu memberi kerjasama yang padu kerana kumpulan pengurusan yang kuat ditambah dengan pelajar yang terbaik akan menjadikan UPM sebuah universiti yang akan terus dikenang kerana kecemerlangannya," katanya.